

**PEMIKIRAN NUR AL-DIN AL-RANIRI DALAM  
HUKUM ZAKAT: ANALISIS KITAB *AL-SIRAT  
AL-MUSTAQIM***  
*(THE THOUGHT OF NUR AL-DIN AL-RANIRI IN  
ALMSGIVING LAW: ANALYSIS ON AL-SIRAT AL-  
MUSTAQIM)*

Muhammad Ikhlas Rosele  
Mohd Anuar Ramli

**Abstrak**

Nur al-Din al-Raniri merupakan tokoh awal dalam bidang fiqh di Alam Melayu. Beliau menjadi perintis kepada penyambungan legasi mazhab Syafi'i dalam masyarakat Melayu di Nusantara. Antara karya beliau dalam bidang fiqh yang masyhur adalah *al-Sirat al-Mustaqim*, iaitu karya ringkas yang membincangkan tentang hukum Islam dalam bidang yang terhad iaitu taharah, solat, zakat, puasa, haji, perburuan dan penyembelihan, serta bab makanan. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang pemikiran Nur al-Din al-Raniri khususnya dalam aspek zakat sahaja. Hasil kajian mendapati, beliau membincangkan aspek zakat dengan diterapkan beberapa nilai tempatan dalam perbahasan. Misalnya kadar timbangan zakat emas dengan timbangan Aceh, bentuk ukuran *awsuq* dengan kadar Aceh, jenis zakat pertanian dengan tanaman tempatan dan jenis zakat haiwan ternakan yang merujuk kepada haiwan tempatan di Alam Melayu.

**Kata kunci:** zakat, Nur al-Din al-Raniri, Alam Melayu, fiqh, *al-Sirat al-Mustaqim*

**Abstract**

*Nur al-Din al-Raniri is among the prominent scholar in the field Islamic jurisprudence in the Malay world. He pioneered the continuation of the legacy of school al-Shafi'i in the Malay societies in*

South-east Asia. His famous work in the field of Islamic jurisprudence is the 'al-Sirat al-Mustaqim', a brief discussion on certain issues regarding hygiene, prayer, almsgiving, fasting, pilgrimage, hunting and slaughtering, as well as issues pertaining to food consumption. Therefore, this article tends to discuss the thought of Nur Al-Din al-Raniri especially in his perspective on the issue of almsgiving. This study shows that al-Raniri discussed this particular subject of almsgiving by including some local values. For instance, he used the Aceh's scale in several cases such as in the weight of gold and in determining the *awsuq*, as well as referring to local crops and animals in order to determine their portion for almsgiving.

**Keywords:** almsgiving, Nur al-Din al-Raniri, Malay world, fiqh, al-Sirat al-Mustaqim

## Pendahuluan

Syeikh Nur al-Din al-Raniri (al-Raniri) merupakan seorang ulama, pengarang, ahli sufi, ahli sejarah (Jelani Harun 2005, 25) yang berpengaruh dalam sejarah umat Islam di Alam Melayu. Kedudukan beliau sebaris dengan beberapa tokoh ilmunan Aceh yang lain seperti Hamzah al-Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Abdul Rauf al-Singkeli (M. Yahya 1995, 20) walaupun berbeza latar belakang pendidikan dan pemikiran. Beliau telah menjadi salah seorang watak penting dalam penyebaran Islam di Nusantara yang giat menyebarkan dakwah sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Beliau telah banyak menghasilkan karya penulisan dalam pelbagai lapangan bidang ilmu agama seperti fiqh, tasawuf dan akidah. Salah satu hasil karya beliau yang masyhur dalam bidang fiqh adalah kitab al-Sirat al-Mustaqim.

Kitab al-Sirat al-Mustaqim bukanlah kitab pertama yang dikarang oleh al-Raniri kerana kitab pertama beliau adalah *Durr al-Fara'id bi Syarh al-'Aqa'id*. Kitab ini selesai dikarang sekitar tahun 1040H/1630M. Ia menyentuh persoalan akidah Islam (Wan Mohd Nor & Khalif 2009, 122). Apa yang menariknya kitab *Durr al-Fara'id* ini adalah kitab Melayu terawal yang mensyarahkan kitab *al-'Aqa'id* karangan Imam al-Nasafi (manuskrip yang diterjemah ke dalam Bahasa Melayu pada 1590M) beserta syarah oleh Imam al-Taftazani (selesai disyarah pada 1364M) (al-Attas 1988, 6-8). Walaupun begitu, Kitab al-Sirat al-Mustaqim merupakan kitab fiqh berbahasa Melayu dan bertulisan jawi yang pertama di Nusantara. Oleh kerana itu, sumbangan al-Raniri dalam hukum zakat di

Nusantara dapat ditelusuri melalui penulisannya mengenai zakat di dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim ini.

Zakat menjadi subjek tumpuan adalah kerana ia merupakan salah satu rukun Islam ('Abdul Razaq t.t., 9). Zakat juga telah disyariatkan pada awal period pemantapan umat Islam dari sudut ibadat (iaitu pada tahun ke-2 selepas hijrah) (al-Qattan 2001, 49-51). Ini telah menunjukkan kepentingan dan keutamaan zakat bagi umat Islam. Zakat juga merupakan satu bab fiqh yang penting kerana ia bukan sahaja terkait dengan persoalan Ibadat ('ubudiyah) bahkan ia melibatkan soal ekonomi dan kehartaan umat Islam. Oleh kerana itulah, adalah wajar untuk melihat sejauh manakah penekanan soal zakat dititik beratkan dalam penyebaran Islam di Alam Melayu.

### **Sorotan Ringkas Kajian Lepas**

Kajian terhadap al-Raniri telah banyak dilakukan dan ianya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kajian yang menyentuh berkenaan al-Raniri serta sumbangan dan sejarah beliau dan kajian yang menyentuh berkenaan al-Raniri serta karya beliau. Antara kajian yang dilakukan terhadap al-Raniri serta sumbangan dan sejarah beliau adalah seperti yang dilakukan oleh C. A. O. Van Nieuwenhuijze (1948), P.Voorhoeve (1951), G.W.J Drewes (1955), T. Ito (1978), al-Attas (1962), Ahmad Daudy (1983), Mohd. Muhiden (2006), Zulkefli Aini (2008), Mohd Akil, Sulaiman, & Sabri (2010). Kajian yang disebutkan ini juga ada menyentuh dan menganalisis karya-karya al-Raniri.

Antara kajian yang menyentuh berkenaan al-Raniri serta karya beliau selain kitab al-Sirat al-Mustaqim, adalah seperti yang dilakukan oleh Tudjimah (1961), Mohd. Muhiden (2003), Jelani Harun (2005), Wan Mohd Nor & Khalif (2009), Baharrudin (2009). Manakala kajian yang menyentuh kitab al-Sirat al-Mustaqim, adalah seperti yang dilakukan oleh Haji Mat Saad (2004), Jamalluddin & Abdul Karim (2009), (2011), Jamalluddin (2011) di dalam tesis PhD beliau yang menumpukan kajian terhadap perbahasan Taharah dan Solat di dalam kitab tersebut, Aliza Elias (2007) di dalam tesis PhD (yang terdapat dalam dua bahagian) beliau yang menumpukan kajian terhadap bahasa, dan melakukan transliterasi terhadap kitab tersebut. Walaupun begitu kajian yang secara langsung terhadap bab zakah di dalam kitab ini masih belum didapati.

## Biografi Nur Al-Din Al-Raniri

Nama penuh al-Raniri ialah Nur al-Din Muhammad Jilani b. ‘Ali b. Hasanji b. Muhammad Humayd al-Qurasyi al-Syafi’i al-Asy’ari al-Aydarusi al-Raniri (al-Attas 1962, 24; Ab. Manaf & Tajuddin 2005, 101). Beliau dilahirkan di Ranir atau “Rander”, Gujerat (Gujarat) (al-Attas 1962 h. 24) yang terletak di sebelah pantai barat India (Americana Corporation 1958, 542; Desai 2007 19). Mengenai tarikh kelahirannya, tidak ada seorang pun ahli sejarah mencatat tarikh lahir beliau (Mohd. Muhiden 2006, 49), tetapi beliau dipercayai lahir sekitar penghujung abad keenam belas Masihi (Mohd Rosdi 2011, 247; Azyumardi et al. 2005, 40). Beliau berdarah kacukan Melayu dan Arab kerana ibunya berketurunan Melayu, sedangkan ayahnya adalah berasal dari keluarga yang bermigrasi dari Hadramaut (Mohd. Muhiden 2006. 2-3). Beliau merupakan ahli sufi (M. Yahya 1995, 14), ahli fiqh, penulis, sasterawan (pujangga), negarawan, ahli politik, dan juga ulama yang ternama (A. Hasjmy 1983a, 200).

Pendidikan awal al-Raniri adalah di tempat kelahirannya sendiri iaitu di Ranir. Guru beliau yang paling terkenal ketika itu adalah Abu Hafs ‘Umar b. Abd Allah Ba Syaiban al-Tarimi al-Hadrami (Voorhoeve 1951, 356). Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Hadramaut (Azyumardi 2004, 205). Kemudian dia bermusafir ke al-Haramain pada tahun 1030H (bersamaan 1620M/1621M) dan menunaikan haji (al-Hasani 1999, 623; Ab. Manaf & Tajuddin 2005, 101). Beliau juga dikatakan berguru dengan Syeikh Muhammad Yamin yang membawa ajaran *Wahdat al-Syuhud* (A. Hasjmy 1977, 168) dan bapa saudaranya sendiri iaitu Syeikh Muhammad Jailani (Mohd Akil, Sulaiman & Sabri 2010). Al-Raniri dikaitkan dengan beberapa tarikat antaranya tarikat Rifa’iyah, tarikat Aydarusiah (Azyumardi 2004, 206) dan tarikat Qadiriyyah (Hamka 1982).

Beliau mempelajari Bahasa Melayu di negerinya (Ranir) (A. Hasjmy 1983a, 200). Ini kerana apabila beliau tiba di Aceh beliau sudah mempelajari Bahasa Melayu (Teeuw 1959, 153). Kemungkinan disebabkan Bahasa Melayu ketika itu menjadi “*Lingua Franca*” (iaitu bahasa yang dikongsi bersama oleh semua penutur bahasa dalam sesuatu masyarakat) (Mohammed Azlan 2012, 905) di Kepulauan Alam Melayu sekitar abad ke-15 (Mohamed Anwar 2011, 30). Beliau juga dipercayai telah menjalin hubungan dengan murid-murid dan para jemaah haji yang datang dari Tanah Jawi ketika di al-Haramain (Voorhoeve 1951, 357) sebelum kembali ke Gujarat (al-Hasani 1999, 623). Al-Raniri menguasai ilmu mantik, balaghah, tasawuf, ilmu kalam, fiqh, hadis, sejarah dan perbandingan agama (Mohd Rosdi 2011, 246).

Al-Raniri tiba di Aceh pada tahun 1637 (Drewes 1955, 151) pada pemerintahan sultan Iskandar Thani (Ab. Manaf & Tajuddin 2005, 104; Siradjuddin Abbas 2006, 236). Walaupun begitu terdapat pandangan yang menyatakan bahawa al-Raniri telah tiba di Aceh sebelum tahun 1637, ketika mana Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Disebabkan kedatangannya tidak mendapat sambutan dari pihak istana pada zaman Sultan Iskandar Muda, beliau meneruskan perjalanan dan menetap di Pahang (ketika mana Pahang berada di bawah kekuasaan Aceh), dan disitu jugalah beliau meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu (al-Ahmadi 1981, 56). Setelah kematian Sultan Iskandar Muda (1636) dan kekuasaan Aceh berpindah kepada Sultan Iskandar Thani (1636-1641), barulah al-Raniri kembali ke Aceh (Ito 1978, 489). Beliau telah dilantik menjadi Kadi Malikul Adil iaitu jawatan Mufti Besar Kerajaan Aceh oleh Sultan Iskandar Thani. Beliau memegang jawatan tersebut hinggalah di bawah pemerintahan Ratu Safiatuddin(1641M-1675M) iaitu selepas kematian Sultan Iskandar Thani (1641M), selain itu jawatan yang dipegang beliau adalah sebagai Guru Besar Lembaga Pendidikan Baiturrahman (A. Hasjmy 1983b, 99).

Karya al-Raniri tidak kurang daripada 29 buah yang kebanyakannya membincangkan mengenai tasawuf, fiqh, ilmu kalam, perbandingan agama, hadis dan sejarah (Taufik Abdullah, *et al.* 2002, 117). Antara contoh karya beliau adalah *Asrar al-Insan fi Ma'rifah al-Ruh wa al-Rahman*, *Sirat al-Mustaqim*, *Durratu al-Fara'id wa Syarh al-'Aqa'id*, *Bustan al-Salatin fi Dhikri al-Awwalin wa al-Akhirin*, *Nabda'u fi Da'wa al-Dhil Ma'a Sahibin*, *Lata'if al-Asrar*, *Akhbaru al-Akhirah fi Ahwal al-Qiyamah*, *Hill al-Dhilli*, *Ma al-Hayah li Ahli al-Mamat*, *Jawahir al-'Ulum fi Khasyf al-Ma'lum*, *Umdah al-I'tiqad*, *Syifa' al-Qulub*, *Hujjah al-Siddiq li Daf' al-Zindiq*, *Fath al-Mubin 'ala al-Mulhidin*, *Kifayah al-Salah*, *Mu'ammad al-I'tiqad* (M. Yahya 1995, 20-21), *al-Tibyan fi Ma'rifah al-Adyan*, *Kissah Iskandar Zulkarnain*, *Hikayat Raja Badar*, *Bab al-Nikah*, *Saqy al-Rasul* dan *'Ala Lam'u fi Takfiri man Qala bi Khalq al-Quran* (A. Hasjmy 1983a, 201-202; Hashim 2006, 91-92).

Sumbangan al-Raniri dalam dunia Islam terutamanya di Alam Melayu sangat besar, bukan sahaja dari sudut karya penulisannya yang begitu banyak yang boleh dijadikan rujukan, bahkan usaha beliau dalam memurnikan agama Islam di Alam Melayu sehingga beliau dianggap sebagai salah seorang tokoh pembaharu (reformis) (Mohd. Taib Osman 1997, 175). Perkara ini dapat dibuktikan dengan penentangan keras beliau terhadap ajaran *Wujudiyah* yang diajar dan disebarkan oleh Hamzah al-Fansuri dan Syamsuddin al-Sumatrani (Ab. Manaf & Tajuddin 2005, 104; Ali Mohammad 2009, 87; Abdul Rahman 1990, 157). al-Raniri juga telah menghukum golongan ini sebagai zindiq dan kafir (Mohammad Said 1981,

250 ; al-Attas 1962, 30-34; Van Nieuwenhuijze 1948, 341). Al-Raniri mengungkapkan kesesatan mereka seperti berikut:

“... maka tatkala zahirlah kaum wujudiyah yang zindik, mulhid lagi sesat daripada murid Syamsuddin Syumatra'i (al-Sumatrani) yang sesat ...” (al-Raniri t.t.a, 3)

Al-Raniri pulang ke tanah air asal beliau di Ranir/Rander pada tahun 1644 (Drewes 1955, 151; Winstedt 1972, 147). Beliau meninggal dunia di Gujerat pada hari sabtu (Ahmad Daudy 1983, 47) tanggal 22 Dhu al-Hijjah 1068H bersamaan 21 September 1658 (Leaman 2010; Edwar & Saksono 1996, 21; Winstedt 1972, 147).

### **Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim**

Kitab al-Sirat al-Mustaqim yang bermaksud “jalan yang lurus” adalah kitab fiqh berbahasa Malayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara (Jamalluddin & Abdul Karim 2009, 268). Ia juga merupakan kitab fiqh mazhab Syafi'i (Siradjuddin Abbas 2006, 345). Kitab ini mula dikarang pada tahun 1044H (sekitar 1634M) ketika al-Raniri telah berada di Pahang (Haji Mat Saad 2004, 10) dan selesai penulisannya pada tahun 1644 Masihi (Teuku Iskandar 2007, 18). Kitab ini disempurnakan atas permintaan sultan yang memerintah Aceh ketika itu iaitu Sultan Iskandar Thani (1637-1641) (al-Raniri t.t.b; Mohd Akil, Sulaiman & Sabri 2010, 104; Jamalluddin 2011, 82). Winstedt (1972) pula menyatakan kitab ini dikarang pada tahun 1928 Masihi, kira-kira sembilan tahun sebelum al-Raniri memasuki Aceh.

Kitab al-Sirat al-Mustaqim menjelaskan secara ringkas berbagai aspek fiqh ibadat seperti bersuci, solat, zakat, puasa, haji, dan kurban (Taufik Abdullah, *et al.* 2002, 117-118). Namun Azyumardi Azra (2004) menyatakan bahawa kitab ini hanya memberikan penjelasan yang sederhana dalam bab-bab fiqh yang asas. Ianya juga hanya mengupas dan menjelaskan tentang ibadah-ibadah sahaja (Ali Mohammad 2009, 91).

Kitab al-Sirat al-Mustaqim ini juga telah menjadi sebuah kitab yang penting dalam peranannya menyerlahkan budaya keilmuan di Alam Melayu. Kitab ini digunakan secara meluas terutamanya di Aceh sehingga abad ke-19 (Abdul Kadir 1996, 31), bahkan masih lagi digunakan di sebahagian sekolah-sekolah agama di Malaysia pada kurun ke-20 (Raja Mohammed Affandi 1974, 91). Kitab ini juga telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam di Kedah, dimana ianya dihantar ke Kedah atas usaha al-Raniri pada sekitar tahun 1940an bertujuan untuk

mengembalikan pengaruh Islam dan mengembangkannya di Kedah (Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah 2011; Zainuddin 1957, 183).

Kitab ini ditulis berasaskan rujukan-rujukan penulisan fiqh oleh ulama-ulama yang bermazhab Syafi'i pada era taqlid (Jamalluddin & Abdul Karim 2009, 280) yang bermula sekitar tahun awal kurun ke-4 Hijrah (al-Zuhaili 2010, 401). Di dalamnya juga didapati kurang dikemukakan dalil-dalil rujukan bahkan dipenuhi dengan pendapat-pendapat ulama dalam mazhab Syafi'i sahaja (Jamalluddin & Abdul Karim 2009, 2011). Antara kitab yang menjadi rujukan di dalam penulisan al-Sirat al-Mustaqim adalah seperti berikut (Wan Mohd Shaghir 1991, 115-116):

1. Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muttaqin karya Imam al-Nawawi
2. Minhaj al-Tullab dan syarahnya Fath al-Wahhab bi Syarh Minhaj al-Tullab, karya Abu Yahya Zakaria al-Ansari
3. Hidayah al-Muhtaj Syarh Mukhtasar Ibn Haj karya Ibn Hajar al-Haytami
4. Kitab al-Anwar (al-Anwar li A'mal al-Abrar) karya Jamal al-Din Yusuf bin Ibrahim al-Ardabili.
5. 'Umdah al-Salik wa 'Uddah al-Nasik karya Abu al-'Abbas al-Misri.

Kitab ini terdapat sedikit kekurangan sebagaimana yang telah dikomentarkan oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (1710M), iaitu salah seorang tokoh ilmuwan Islam yang unggul, tinggi ilmunya dan besar sumbangannya di Alam Melayu (Fauzan Saleh 2009; Abdullah Zaidi 2011). Menurut al-Banjari (t.t.), dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim ini, mengandungi susunan ayat dalam bahasa Aceh yang boleh menyebabkan orang-orang yang tidak mengetahui bahasa Aceh tidak dapat memahaminya. Naskah-naskah kitab ini juga mempunyai perbezaan yang ketara di antara satu sama lain seperti sesetengah ayatnya telah berubah daripada asalnya dan diganti dengan kalimah lain dan sesetengahnya ada yang tergugur dan terkurang.

Pembahagian bab atau kitab di dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim adalah seperti berikut (Haji Mat Saad 2004, 20-21):

1. Kitab al-Taharah (Bab Bersuci)
2. Kitab al-Salah (Bab Solat)
3. Kitab al-Zakah (Bab Zakat)
4. Kitab al-Sawm (Bab Puasa)
5. Kitab al-Hajj (Bab Haji)
6. Kitab al Sayd wa al-Dhaba'ih (Bab Pemburuan dan Penyembelihan)

7. Kitab al-At'imah (Bab Makanan-makanan yang Halal dan Haram)

Artikel ini hanya akan menumpukan analisis terhadap Kitab al-Zakah di dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim. Analisis yang dilakukan berdasarkan analisis kandungan Kitab al-Zakah sahaja.

**Pemikiran Zakat dalam Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim**

Kajian ini menggunakan kitab al-Sirat al-Mustaqim yang dicetak bersama kitab Sabil al-Muhtadin karangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Kitab al-Sirat al-Mustaqim terletak di bahagian tepi kitab tersebut. Kitab al-Zakah adalah kitab yang ketiga selepas Kitab al-Taharah dan Kitab al-Salah. Perbincangan Kitab al-Zakah ini terbahagi kepada 3 bab, 10 fasal dan 3 masalah, perinciannya adalah seperti di dalam jadual 1 berikut :

**Jadual 1: Kandungan perbahasan Kitab al-Zakah dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim**

<b>Kitab al-Zakah</b>		
<b>1.</b>	<b>Bab al-Zakah</b>	
	I. Fasal 1	Fasal pada menyatakan zakat kerbau dan lembu
	II. Fasal 2	Fasal pada menyatakan zakat kambing dan biri-biri
	III. Fasal 3	Fasal pada menyatakan setengah hukum daripada perkataan yang dahulu [perbincangan lepas]
	IV. Fasal 4	Fasal pada menyatakan segala syarat <i>na`am</i> [binatang ternakan] dan lainnya
<b>2.</b>	<b>Bab Zakah al-Nabat</b>	
	I. Fasal 5	Fasal pada menyatakan hukum zakat yang wajib pada segala perkara yang tersebut [tumbuh-tumbuhan/tanaman] dan barang yang <i>ta'aluq</i> [berkaitan] dengannya
<b>3.</b>	<b>Bab Zakah al-Naqd</b>	
	I. Fasal 6	Fasal pada menyatakan zakat harta perniagaan
	II. Fasal 7	Fasal pada menyatakan zakat fitrah
	III. Fasal 8	Fasal pada menyatakan niat zakat dan mengeluarkannya
		A. Masalah 1
	IV. Fasal 9	Fasal pada menyatakan membahagi zakat akan segala <i>mustahiq</i>
B. Masalah 2		



	V. Fasal 10	Fasal pada menyatakan hukum sedekah yang sunah
		C. Masalah 3

Sumber : Kitab al-Sirat al-Mustaqim (al-Raniri t.t.b)

Berdasarkan jadual 1 di atas, terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan lagi. Pertama, perbincangan mengenai pengertian zakat, kewajipan zakat, dalil-dalil yang mewajibkan zakat dan hukuman bagi orang yang tidak mahu membayar zakat terletak di bawah perbincangan Kitab al-Zakah iaitu sebelum masuk ke dalam Bab *al-Zakah*. Kedua, perbincangan mengenai zakat unta terdapat di bawah perbincangan Bab *al-Zakah* sebelum Fasal yang pertama. Ketiga, perbincangan mengenai sumber-sumber tanaman atau pertanian yang wajib dizakatkan, dan nisab zakat tanaman terdapat di bawah perbincangan Bab *Zakah al-Nabat* sebelum fasal yang kelima. Keempat, perbincangan mengenai zakat emas dan perak pula terdapat di bawah perbincangan Bab *Zakah al-Naqd* sebelum fasal yang keenam. Keenam, fasal yang ketujuh adalah fasal yang membincangkan berkenaan zakat fitrah (al-Raniri t.t.b) yang kebiasaannya diletakkan di dalam bab yang berbeza.

Walaupun begitu setiap perbincangan mengenai zakat di dalam kitab al-zakah ini adalah sangat ringkas namun ianya sesuai untuk masyarakat ketika itu, dan juga bertepatan dengan kedudukan kitab ini sebagai kitab terawal dalam membincangkan ilmu fiqh di Alam Melayu. Secara umumnya, perbincangan beliau dalam Kitab al-Zakah merangkumi:

### **Konsep Zakat**

Al-Raniri telah menyatakan di dalam kitabnya tentang beberapa konsep umum zakat, seperti pengertian zakat, hukum zakat, dalil-dalil yang mewajibkan zakat, kategori zakat serta jenis-jenis harta yang wajib dikenakan zakat, golongan yang berhak menerima zakat sedekah yang sunat.

Pengertian zakat dari sudut terminologi menurut al-Raniri adalah :  
*“Suatu nama barang yang dikeluarkan daripada harta atau daripada badan seperti perintah yang lagi akan datang bayannya, iaitu satu rukun daripada rukun-rukun Islam”* (al-Raniri t.t.b, 54)

Maksudnya, zakat adalah merujuk kepada barang yang dikeluarkan daripada harta (iaitu zakat harta) atau daripada badan (iaitu zakat fitrah). Manakala maksud “seperti perintah yang lagi akan datang bayannya” adalah merujuk kepada jenis-jenis harta yang wajib dizakatkan. Pengertian yang dikemukakan oleh al-Raniri mempunyai persamaan dengan pengertian yang terdapat di dalam kitab *Fath al-Wahhab bi Syarh Minhaj al-Tullab* (al-Ansari, t. t., 102).

## **Hukum Zakat**

Al-Raniri menyatakan bahawa hukum zakat adalah fardu (wajib) dan barangsiapa yang ingkar akan kefarduannya atau kadar wajibnya maka dia telah kafir, dan barangsiapa yang menahan (diri atau orang lain) daripada membayar zakat adalah harus untuk diperangi dan diambil (zakat) daripadanya secara paksa. Zakat difardukan pada tahun kedua hijrah (al-Raniri t.t.b, 54). Antara dalil kewajipan zakat yang dikemukakan al-Raniri adalah surah al-Baqarah (2) : 43, surah al-Taubah (19) : 103 dan sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

*“Dibina Islam atas lima perkara: Persaksian bahawa tidak ada tuhan yang disembah dengan benar melainkan Allah SWT dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji di Baitullah, dan berpuasa di bulan Ramadhan.”*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

## **Kategori dan Jenis Zakat**

Terdapat dua kategori zakat yang dibincangkan oleh al-Raniri iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Manakala jenis harta yang wajib dikenakan zakat (dari jenis zakat harta) yang dinyatakan oleh al-Raniri di dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim ini adalah:

- i. Zakat binatang ternak (dalam kategori *sa'imah*) iaitu unta, kerbau, lembu, kambing dan biri-biri apabila telah mencapai nisab masing-masing dan haul. Nisab bagi unta adalah sebanyak 5 ekor, manakala lembu dan kerbau adalah sebanyak 30 ekor, manakala kambing dan biri-biri pula adalah sebanyak 40 ekor.
- ii. Zakat tumbuh-tumbuhan iaitu makanan yang menguatkan iaitu makanan yang dimakan pada ketika ikhtiar (bukan darurat) dari jenis buah (kurma dan anggur), bijian (gandum dan barli), kekacang (kacang dal, kacang hijau dan selainnya), jagung dan

keladi. Hendaklah tumbuh-tumbuhan (tanaman) itu mencukupi nisab iaitu sebanyak 5 *awsuq*, dan dizakatkan daripadanya sebanyak 1/5 ataupun 1/10 mengikut kaedah pengairan.

- iii. Zakat *al-Naqd* iaitu emas dan perak. Nisab bagi emas adalah sebanyak 20 *mithqal* serta hasil perniagaan. (al-Raniri t.t.b)

Pengklasifikasian jenis-jenis sumber zakat ini adalah merupakan sumber zakat yang asas. Walaupun begitu al-Raniri telah menditilkan setiap penjelasan sumber tersebut dengan menerapkan elemen-elemen tempatan seperti dalam penjelasan kadar nisab dan timbangan emas.

### **Niat dalam Mengeluarkan Zakat**

Al-Raniri menyatakan berkenaan niat dalam mengeluarkan zakat. Niat difardukan di dalam hati dan tidak disyaratkan untuk dilafazkan dengan lisan. Al-Raniri membawa beberapa bentuk niat seperti berikut:

- a. "*Haza zakat mali*" (Inilah zakat hartaku)
- b. "*Haza fardu sadaqah mali*" (Inilah fardu sedekah hartaku)
- c. "*Haza fardu sadaqah mali al-mafrud*" (Inilah fardu sedekah hartaku yang difardukan)
- d. "*Haza fardu al-sadaqah*" (inilah fardu sedekah)

Niat hendaklah disertakan ketika mana menyerahkan zakat, ketika mewakili kepada wakil, sebelum menyerahkan zakat atau selepas menyerahkannya. Niat boleh dilakukan selepas menyerahkan zakat sekiranya ia tidak sertakan sebelum atau ketika menyerahkan zakat. Harus juga untuk mewakili kepada orang lain untuk menunaikan zakat dengan syarat wakil tersebut Islam dan mukallaf. Wajib ke atas wali meniatkan zakat atas harta kanak-kanak, orang gila dan *safih*. Sekiranya tidak diniatkan hendaklah wali menggantikan harta tersebut (al-Raniri t.t.b, 72-73).

### **Golongan yang Berhak Menerima Zakat**

Al-Raniri juga menyatakan golongan-golongan yang berhak menerima zakat seperti yang telah diijma'kan oleh ulama (Ibn al-Munzir 1999, 57) iaitu orang fakir, orang miskin, 'amil, golongan mu'allaf (yang dilembutkan hati-hati mereka), golongan hamba (*mukatib*), yang berhutang, yang berperang dan yang bermusafir. Ianya bersandarkan firman Allah SWT yang mafhumnya:

*Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang yang fakir, orang-orang miskin, para Amil, orang yang dilembutkan hatinya oleh Islam, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, orang yang berada (berjihad) di jalan Allah, orang yang sedang dalam perjalanan (musafir), sebagai satu kewajiban yang ditetapkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah, 9: 60)

Justeru, wajib menyerahkan zakat kepada lapan golongan tersebut tanpa dikurangkan. Jika sesebuah negara itu tidak lagi mempunyai golongan yang berhak menerima zakat, atau harta zakat (setelah dibahagikan kepada golongan yang berhak) masih banyak berlebihan, maka harus harta zakat itu dipindahkan ke negeri lain yang hampir untuk diserahkan kepada golongan yang berhak di negeri tersebut (al-Raniri t.t.b, 76-78).

Setiap perbincangan di atas ini tidaklah diperbincangkan dalam bentuk tulisan sebelum kitab ini kecuali di dalam bahasa arab. Al-Raniri telah melakukan penjelasan setiap perbahasan fiqh di dalam kitab ini di dalam Bahasa Melayu dengan melakukan terapan nilai-nilai setempat di dalamnya.

## **Kesimpulan**

Setelah sorotan dan analisis dilakukan terhadap keseluruhan perbincangan zakat, latar belakang al-Raniri serta kitab al-Sirat al-Mustaqim, terdapat beberapa perkara yang diboleh dirumuskan. Rumusan ini membuktikan beberapa keistimewaan pemikiran al-Raniri dalam hukum zakat. Rumusannya adalah seperti berikut:

### **i. Memainkan peranan sebagai kitab jawi yang penting di Alam Melayu**

Di Alam Melayu kitab jawi merupakan rujukan yang penting bagi masyarakat Islam (Abdul Salam 2009, 88; Bruinessen 1990, 227). Ianya juga sebagai salah satu medium utama untuk menyampaikan ilmu Islam khususnya ilmu fiqh. Kitab jawi juga berperanan menyebarkan doktrin Ahlus Sunnah wal Jama'ah di Alam Melayu, dan menekankan mazhab Syafi'i dalam perbincangan fiqh (Mohd Nor Ngah 1983, 3).

Penggunaan tulisan jawi di dalam penulisan juga dapat meningkatkan kefahaman masyarakat di Alam Melayu terhadap ajaran-ajaran Islam (Hasan Madmarn 1999, 40). Peranan-peranan ini jugalah yang dimainkan oleh kitab al-Sirat al-Mustaqim dalam perbincangan hukum zakat khususnya. Di mana al-Raniri menulis kitabnya di dalam tulisan jawi yang memudahkan masyarakat ketika itu membacanya, penulisannya juga ringkas dan mudah difahami. Oleh kerana itulah, boleh dikatakan bahawa al-Raniri telah menyediakan satu panduan hukum zakat terawal yang mudah dijadikan rujukan oleh masyarakat di Alam Melayu.

**ii. Kitab fiqh berbahasa Melayu terawal di Nusantara.**

Sebagai kitab fiqh yang awal, ianya secara tidak langsung adalah kitab yang membincangkan mengenai zakat yang pertama di Alam Melayu. Walaupun perbincangan di dalamnya bersifat terhad, namun ia dilihat wajar dan bersesuaian dengan keadaan masyarakat Melayu ketika itu. Perbincangan zakat di dalamnya juga dilihat sesuai dengan sosio-ekonomi orang Islam Melayu di waktu itu, di mana mereka menjalankan aktiviti pertanian, penternakan, perniagaan di pasar-pasar, perdagangan serta memiliki barang kemas berbentuk emas dan perak yang diperolehi dari aktiviti perdagangan. Ini kerana pada kurun ke 16M-17M, Aceh telah menjadi pusat kuasa ekonomi dan politik Alam Melayu (Denisova 2011). Justeru, kitab ini menjadi rujukan zakat berautoriti di Alam Melayu dengan bahasa pengantar yang mudah difahami oleh masyarakat ketika itu.

**iii. Perkembangan pemikiran fiqh yang beraliran mazhab Syafi'i di Alam Melayu.**

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, al-Raniri merupakan salah seorang ulama yang bermazhab Syafi'i, dan kitab al-Sirat al-Mustaqim ini adalah kitab yang merujuk kepada sumber-sumber fiqh mazhab Syafi'i. Oleh kerana itu perbincangan dan hukum zakat di dalam kitab tersebut adalah merupakan pendapat dari mazhab Syafi'i. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran hukum al-Raniri ini adalah sebagai penerus legasi mazhab Syafi'i dan penyumbang kepada dominasi dan pengukuhan fiqh beraliran mazhab Syafi'i di Alam Melayu (Mohd. Taib Osman 1997, 191).

**iv. Memberikan nilai tambah dalam perbincangan zakat yang berasaskan fiqh mazhab Syafi'i dengan unsur-unsur tempatan.**

Walaupun kitab ini menggunakan rujukan berbahasa Arab, atau istilah orientalis sebagai kitab saduran yang tidak mempunyai keaslian idea,

namun masih terdapat penerapan nilai-nilai tempatan dalam perbincangan (Winstedt 1972, 145). Berikut adalah beberapa bentuk nilai tambah unsur-unsur tempatan di dalam perbincangan zakat oleh al-Raniri:

- Zakat haiwan ternakan: Al-Raniri telah menyenaraikan haiwan-haiwan yang diwajibkan zakat, dan di antaranya adalah kerbau yang merupakan antara binatang ternak tempatan.
- Zakat pertanian: Al-Raniri juga telah menyenaraikan beberapa makanan tempatan dalam senarai tumbuhan atau hasil pertanian yang wajib dikenakan zakat. Antaranya adalah beras, keladi, kekacang, *nal* dan *jab*.
- Zakat emas : Al-Raniri telah menjelaskan kadar timbangan emas iaitu 20 *mithqal* dan perak iaitu 140 *mithqal* mengikut timbangan Aceh. Contohnya adalah seperti timbangan emas:

*“Maka satu mithqal itu beratnya 36 saga (satuan yang beratnya 1/12 mayam dan digunakan untuk menyukat berat emas), dan jika kira-kira timbangan bungkal (ukuran berat emas yang besarnya 16 mayam) hingga beratnya 6 kupang, adapun 1 mithqal itu kurang 2 kupang 1/2 tahil dirham aceh, maka jumlah 20 mithqal itu jika ditimbang dengan bungkal 1 tahil 14 mayam, dan jika ditimbang dengan dirham negeri Aceh maka jadilah ia 8 tahil 7 emas, dan seemas dirham itu beratnya 5 saga yang sederhana, maka daripada yang 8 tahil 7 emas itu 3 emasnya tiga busuq zakatnya”* (al-Raniri t.t.b, 65).

- Nisab zakat: Al-Raniri juga telah memperincikan kadar nisab sesuatu zakat dengan menggunakan kiraan tempatan. Seperti yang dilakukan beliau di dalam zakat emas dan zakat pertanian. Contoh zakat emas adalah seperti yang telah disebut manakala contoh bagi zakat pertanian:

*“Maka satu sa’ itu 51/3 ritl (Baghdadi) dan 1 ritl (kati) itu sebelas tahil sepuluh mayam bungkal dengan timbangan Aceh”* (al-Raniri t.t.b, 62).

Justeru itu, al-Raniri merupakan antara ulama yang awal membincangkan hukum Islam di rantau Alam Melayu. Beliau meninggalkan karya pelbagai bidang, namun dalam bidang fiqh, kitab al-Sirat al-Mustaqim menjadi titik tolak penghasilan karya fiqh di Alam Melayu seterusnya. Sesuai dengan suasana zaman dan keadaan pada masa beliau, kitab fiqh yang dihasilkan adalah berbentuk ringkas dan tiada perbincangan yang kompleks. Dalam membincangkan tentang zakat, beliau merujuk kepada perbincangan ulama Syafi’iyah dan dalam masa

yang sama turut mengambilkira nilai semasa dan setempat pada zaman beliau.

## Rujukan

- ‘Abdul Razaq, N. t.t.. *Faridah al-Zakah*. Kaherah : Maktabah al-Wa’i al-‘Arabi.
- A. Hasjmy. 1977. *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta : Bulan Bintang.
- A. Hasjmy. 1983a. *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. Jakarta : Penerbit Beuna.
- A. Hasjmy. 1983b. *Syi’ah dan Ahlussunnah: Saling Rebut Pengaruh dan Kekuasaan Sejak Awal Sejarah Islam di Kepulauan Nusantara*. Jakarta : Penerbit Bina Ilmu
- Ab. Manaf H. A., Tajuddin S. 2005. *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : YADIM.
- Abdul Kadir, H. M. 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman, H. A. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara; Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Salam Muhamad Shukri. 2009. Kedudukan Pandangan Imam al-Shafi’i dalam Realisasi Mazhab Shafie di Malaysia. *Jurnal JAHEAIK* 2, 83-97.
- Abdullah Zaidi H. 2011. Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari: ‘Allamah Unggul Rantau Melayu. Dalam Azmul Fahimi K., et.al. (Eds.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemancu Transformasi Negara*. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Daudy. 1983. *Allah dan Manusia Dalam Konsep Syeikh Nuruddin ar-Raniry*. Jakarta : CV. Rajawali.
- al-Ahmadi, Abdul Rahman. 1981. *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*. Sabah : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- al-Ansari, Zakaria. t. t.. Fath al-Wahab Syarh Minhaj al-Tullab. Beirut : Dar al-Ma’rifah.
- al-Attas, Sayyid Muhammad Naguib. 1962. *Raniri and The Wujudiyah Of 17<sup>th</sup> Century Aceh*. Unpublished Master’s Thesis, McGill University, Montreal.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of The ‘Aqa’id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur : Department of Publication University of Malaya.

- al-Banjari, Muhammad Arsyad. t.t.. *Sabil al-Muhtadin lil Tafaqquh fi Amri al-Din*. t.t.p : Percetakan al-Ma'arif.
- al-Hasani, 'Abd al-Hayy. 1999. *Nuzhat al-Khawatir wa Bahjat al-Masami' wa al-Nawazir*. Beirut : Dar Ibn Hazm.
- Ali Mohammad. 2009.. Peranan ulama dalam memartabatkan tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan terhadap Abdul Rauf Singkel. *Journal of Al-Tamaddun* (4): 81-98.
- al-Qattan, Manna'. 2001. *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- al-Raniri, Nur al-Din. t. t.a. *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan*. Naskhah Leiden 3291.
- al-Raniri, Nur al-Din. t. t.b. *Al-Sirat al-Mustaqim*. t.t.p : Percetakan al-Ma'arif.
- al-Zuhaili, Wahbah. 2010. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq : Dar al-Fikr.
- Americana Corporation. 1958. *The Encyclopedia Americana* (jil. 13). U.S.A. : Americana Corporation.
- Azyumardi Azra. 2004. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Jakarta : Prenada Media.
- Azyumardi Azra. et al. (eds.). 2005. *Ensiklopedi Islam* (jil. 6). Jakarta : PT Ihtiar Baru Van Hoeve.
- Baharrudin Zainal. 2009. *Konsep Alam Geopusat dalam Naskah Bustan al-Salatin*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu, UPM.
- Bruinessen, M. Van. 1990. Kitab Kuning; Books in Arabic Script Used in The Pesantren Milieu. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 146 (2/3): 226-269.
- Denisova, T. A. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Desai, Anjali (ed.). 2007. *India Guide : Gujarat*. India : India Guide Publication.
- Drewes, G. 1955. De Herkomst Van Nuruddin ar-Raniri. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 111 (2): 137-151.
- Edwar, D. & Saksono, P. 1996. *Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri*. Jakarta : Proyek Pengembangan Media Kebudayaan.
- Fauzan Saleh, H. A. 2009. Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari (Biografi dan Faham Tasawufnya). *Jurnal Darussalam* 8(1): 1-10.
- Haji Mat Saad. 2004. *Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim (Satu Tinjauan Awal)*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Manuskrip Islam, Berakas, Brunei.
- Hasan Madmarn. 1999. *The Pondok and Madrasah in Patani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Hashim H. M. 2006. Some Studies on The Manuscripts and Texts on Malay Sastera Kitab: A Brief Survey. *Jurnal Filologi Melayu* 14: 87-106.



- Ito, T. 1978. Why Did Nuruddin ar-Raniri Leave Aceh in 1054 A.H.?. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 134 (4): 489-491.
- Jamalluddin Hashim. 2011. *Kitab al-Sirat al-Mustaqim* Karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri (Kitab al-Taharah dan al-Salah) : Teks dan Analisis. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali. 2009. Metode Penulisan Fiqh Oleh Nur al-Din al-Raniri dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim. *Jurnal Syariah* 17(2): 267-298.
- Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali. 2011. Pemakaian Hadith-Hadith dlm Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri. Dalam Faisal Ahmad Shah, Fauzi Deraman & Ishak Suliaman (eds.), *Takhrij Hadith di Nusantara Keperluan Masa Kini*. Kuala Lumpur : Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- Jelani Harun. 2005. Bustan al-Salatin; Mutiara Kesufian Untuk Raja-Raja Daripada Nuruddin al-Raniri. *Jurnal Filologi Melayu* 13: 25-39.
- Leaman, Oliver. 2010. The Biographical Encyclopaedia of Islamic Philosophy. *Oxford Reference*. Diperolehi dari : <<http://www.oxfordreference.com/view/10.1093/acref/9780199754731.001.0001/acref-9780199754731-e-326>>
- M. Yahya, H. 1995. *Kerajaan Islam Nusantara Abad XVI – XVII*. Yogyakarta : Kurnia Kalam Sejahtera.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2011. Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu* (7): 1-82.
- Mohammad Said. 1981. *Aceh Sepanjang Abad* (jil. 1). t.t.p : Waspada Medan.
- Mohammed Azlan. 2012. Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak : Kajian Lingua Franca. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(3): 903-922.
- Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan, dan Sabri Mohamad. 2010. *Syeikh Nur al-Din al-Raniri: Ketokohan dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, UKM, Bangi.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. 2003. *Syeikh Nuruddin al-Raniri dan sumbangannya kepada pengajian al-Hadith : kajian terhadap Kitab al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. 2006. *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. 2006. Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith. *AL-BAYAN Journal of al-Quran & al-Hadith* (4): 47-62.

- Mohd. Nor Ngah. 1983. *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*. Singapura : Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohd. Taib Osman. 1997. *Islamic Civilization in The Malay World*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad (ed.). 2011. *Ilmuwan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun*. Selangor : PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Raja Mohammed Affandi. 1974. *Tokoh-Tokoh Melayu Yang Agung Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah. 2011. Pendekatan Dakwah Ulama Sufi Nusantara Abad ke-17M dan 18M: Suatu Analisis Perbandingan dengan Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21. Dalam Azmul Fahimi, K., et.al. (Eds.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemancu Transformasi Negara* (hh. 427-432). Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siradjuddin Abbas, K. H. 2006. *Sejarah & Keagungan Madzhab Syafi'i*. Jakarta : Pustaka Tarbiyah.
- Taufik Abdullah, et al. 2002. *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam : Asia Tenggara*. Jakarta : PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Teeuw, A. 1959. The History of Malay Language. A Preliminary Survey. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 115 (2): 138-156.
- Teuku Iskandar. 2007. *Aceh As A Muslim-Malay Cultural Centre (14<sup>th</sup>-19<sup>th</sup> Century)*. Kertas kerja yang dibentangkan di First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies, Banda Aceh, Indonesia.
- Tudjimah. 1961. *Asrar al-Insan Fi Ma'rifah al-Ruh wa al-Rahman*. Jakarta : PT Penerbitan Universitas.
- Van Nieuwenhuijze, C. A. O. 1948. Nur Al-Din Al-Raniri als Bestrijder der Wugudiya. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 104 (1): 337-412.
- Voorhoeve, P. 1951. Van En Over Nuruddin ar-Raniri. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 107 (4): 353-368.
- Wan Mohd Nor W. D. & Khalif M. 2009. Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip *Durr al-Fara'id* Karangan Sheikh Nuruddin al-Raniri. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2): 119-146.
- Wan Mohd Shaghir. 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara* (jil. 2). Kuala Lumpur : Khazanah Fataniah.
- Winstedt, R. O. 1972. *A History of Classical Malay Literature*. London : Oxford University Press.
- Zainuddin, H. M. 1957. *"Singa Atjeh" Biographi Seri Sulthan Iskandar Muda*. Medan : Pustaka Iskandar Muda.

Zulkefli Aini. 2008. Doktrin Nur Muhammad di Alam Melayu : Kajian Terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan 'Abd al-Rauf al-Fansuri. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.